



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT MAJLIS BENIH NEGARA BILANGAN 2/2026

BUKIT KATIL, 21 OGOS 2026 – YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Benih Negara (MBN) Bilangan 2 Tahun 2026 di Kompleks JAPERUN Bukit Katil, Melaka pada 20 Ogos 2026. Mesyuarat strategik ini melibatkan wakil Kementerian, agensi Kerajaan, pakar akademik serta pakar industri benih dan baka daripada sektor swasta.

Sesi lawatan ke ladang kultur tisu pisang di Ayer Molek, Melaka telah diadakan bagi meninjau secara dekat aplikasi bioteknologi dan inovasi, khususnya teknologi kultur tisu dalam pengeluaran bahan tanaman berkualiti. Pendedahan dan penerapan bioteknologi dalam industri pertanian negara amat penting dalam mempercepat pembangunan benih dan baka berkualiti tinggi, meningkatkan produktiviti serta memperkukuh daya tahan tanaman dan ternakan terhadap perubahan cuaca dan penyakit.

Satu inisiatif baharu yang diluluskan dalam Mesyuarat ini adalah Hala Tuju Pendekatan Bioteknologi Moden bagi Peningkatan Kadar Sara Diri Agromakanan Negara. Inisiatif ini menunjukkan potensi bioteknologi dalam memperkukuh industri benih negara melalui penyelidikan, pembangunan kepakaran serta pengeluaran bahan tanaman berkualiti yang menyokong kelestarian sektor agromakanan.

Selain itu, dalam usaha menangani kebergantungan tinggi terhadap benih import, mesyuarat juga turut meluluskan:

- i. cadangan memperkasa Ekosistem Pembiakan Kambing Tenusu Negara melalui penetapan hala tuju pengukuhan industri tenusu baka kambing Saanen di Pantai Timur sebagai kesinambungan dari projek Malaysia Anglo Nubian Park di Perak yang telah diluluskan pada awal tahun ini. Inisiatif ini mampu mencapai hasil produktiviti yang tinggi melalui penghasilan baka tenusu berkualiti serta pelaksanaan kerjasama strategik antara Kerajaan dan swasta; dan

- ii. cadangan pemerkasaan dan pengukuhan Pelan Pembangunan Industri Akuakultur (PPIA) bagi *Nucleus Breeding Centre* (NBC) dan *Broodstock Multiplication Centre* (BMC) dengan melantik syarikat sebagai Project Delivery Partner.

Sehubungan itu, pengembangan serta penghasilan benih dan baka tempatan akan terus dipertingkatkan bagi menjamin bekalan makanan dan menyokong kelestarian sektor pertanian. Langkah ini penting dalam merealisasikan sasaran pengurangan kebergantungan terhadap import benih sebanyak 30% menjelang tahun 2040 demi agenda keterjaminan makanan negara.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

